



**TAWARAN TERBUKA LANTIKAN  
SYARIKAT PELAKSANA BAGI PROJEK  
PERTANIAN BANDAR (*URBAN  
FARMING*) DI SKIM-SKIM PERUMAHAN  
KOS RENDAH DI PETALING JAYA  
UNTUK MAJLIS BANDARAYA  
PETALING JAYA**

**BAGI TEMPOH : 4 TAHUN**

**PENGARAH**  
**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**  
TINGKAT 2, IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA  
PETALING JAYA, JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN  
03-79563544

**TAWARAN TERBUKA LANTIKAN SYARIKAT PELAKSANA BAGI PROJEK  
PERTANIAN BANDAR (*URBAN FARMING*) DI SKIM-SKIM PERUMAHAN KOS  
RENDAH DI PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

**A. SYARAT-SYARAT AM**

**HANTAR PENYERTAAN  
KEPADA**

Bahagian Rekabentuk Bandar  
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ  
Jalan Yong Shook Lin  
46675 Petaling Jaya  
Selangor.

**TEMPOH SAH LAKU**

90 hari

**KEPERLUAN**

- i.) Semua pembekal mestilah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kepala **222104**
- ii.) MBPJ tidak terikat untuk memilih sebutharga yang terendah.
- iii.) Pembekal mestilah menyempurnakan kerja-kerja dalam masa yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN:**

**En. TPr. Mohd Bakri Bin Salleh**

**(Tel : 03 79563544 ext. 261)**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN.**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebutharga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji barang itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan barang tersebut; dan
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI.**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharga boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atau barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATAWANG**

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang itu dieksport dengan tidak dibungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

18. **DUTI SETEM**

Petender yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran duti setem dan caj Perjanjian yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya ke atas harga kontrak keseluruhan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan mengikut formula kadar caj Perjanjian yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya seperti jadual berikut:

| Bil                                                                                      | Nilai Kontrak           | Caj                                                                            |                                                                               |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                          |                         | Perjanjian Utama                                                               | Perjanjian Lanjutan                                                           |
| 1                                                                                        | <RM50,000               | RM500                                                                          | RM250                                                                         |
| 2                                                                                        | RM50,001 – RM100,000    | RM1,000                                                                        | RM500                                                                         |
| 3                                                                                        | RM100,001 – RM300,000   | RM2,000                                                                        | RM1,000                                                                       |
| 4                                                                                        | RM300,001 – RM500,000   | RM3,000                                                                        | RM1,500                                                                       |
| 5                                                                                        | RM500,001 – RM1,000,000 | RM5,000                                                                        | RM2,500                                                                       |
| 6                                                                                        | RM1,000,001 dan keatas  | RM8,000 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM10,000) | RM4,000 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM5,000) |
| Panel peguam boleh dilantik bagi kontrak yang mempunyai nilai sangat tinggi dan berisiko |                         |                                                                                |                                                                               |

# SPESIFIKASI KERJA

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN  
46675 PETALING JAYA

TAJUK :-

**TAWARAN TERBUKA LANTIKAN SYARIKAT PELAKSANA BAGI PROJEK PERTANIAN BANDAR (*URBAN FARMING*) DI SKIM-SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH DI PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

KOD BIDANG :- 222104

## SPESIFIKASI KERJA

### 1.0 UMUM :

- 1.1 Tawaran sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat yang boleh melaksanakan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*) Di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah di Petaling Jaya untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 1.2 Pihak syarikat perlu menyediakan maklumat profil syarikat, carta organisasi syarikat atau pasukan khas yang akan bertanggungjawab dalam melaksanakan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*) Di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah di Petaling Jaya bagi tempoh 4 tahun.
- 1.3 Pihak syarikat dikehendaki menyediakan kertas cadangan yang menyatakan secara terperinci setiap cadangan, spesifikasi dan syarat-syarat di dalam Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*) Di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah di Petaling Jaya yang akan dikemukakan kepada pihak Majlis.
- 1.4 Pihak syarikat dikehendaki menyediakan profil syarikat dan Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*) Di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah Di Petaling Jaya dalam bentuk salinan berwarna yang dijilidkan dengan ukuran saiz A4 serta dilampirkan bersama pelan susun atur yang merangkumi semua spesifikasi dan syarat-syarat pengurusan yang ditetapkan.

### 2.0 TAKRIFAN

**Dalam syarat-syarat perjanjian ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain :**

- i. 'Majlis' ertinya Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- ii. 'Penguasa' ertinya pegawai-pegawai dari MBPJ atau bagi pihaknya yang dilantik dan diserahkan kuasa untuk mengawas dan menyelia kerja-kerja dijalankan oleh pihak syarikat.

**3.0 SPESIFIKASI PROJEK PERTANIAN BANDAR (*URBAN FARMING*) DI SKIM-SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH DI PETALING JAYA.**

| BIL. | LOKASI                                  | KELUASAN (Ekar) | OBJEKTIF PEMBANGUNAN                                                                                                                                                                                                         |
|------|-----------------------------------------|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Rizab TNB, Sri Damansara, PJU 9</b>  | 27.00           | i. Menjalankan projek pertanian bandar moden berasaskan penggunaan teknologi tinggi dan mesra alam.                                                                                                                          |
| 2.   | <b>Rizab TNB, Sri Manja, PJS 3</b>      | 13.55           | ii. Menyediakan pekerjaan, latihan dan tambahan pendapatan khususnya kepada isi rumah miskin bandar, B40 dan ibu tunggal.                                                                                                    |
|      | i. Plot A (2.16 Ekar)                   |                 |                                                                                                                                                                                                                              |
|      | ii. Plot B (1.93 Ekar)                  |                 |                                                                                                                                                                                                                              |
|      | iii. Plot C (1.60 Ekar)                 |                 |                                                                                                                                                                                                                              |
|      | iv. Plot D (2.59 Ekar)                  |                 |                                                                                                                                                                                                                              |
|      | v. Plot E (5.27 Ekar)                   |                 |                                                                                                                                                                                                                              |
| 3.   | <b>Rizab TNB, Desa Peransang, PJS 3</b> | 13.42           | iii. Mengoptimalkan penggunaan tanah rizab kerajaan di sekitar skim perumahan kos rendah daripada terbiar dan diceroboh.                                                                                                     |
|      |                                         |                 | iv. Menyediakan jaminan bekalan makanan segar kepada golongan rentan semasa krisis / bencana melalui platform " <i>PJ City Food Bank</i> ".                                                                                  |
|      |                                         |                 | v. Menyokong dan menambahbaik program kebun komuniti pada konsep dan skala yang lebih besar serta berimpak tinggi.                                                                                                           |
|      |                                         |                 | vi. Menjadikan projek pertanian bandar ini sebagai pusat pembelajaran ( <i>learning centre</i> ), kajian dan pembangunan ( <i>research &amp; development - R&amp;D</i> ) dan tarikan pelancongan <i>tourist attraction</i> . |
|      |                                         |                 | vii. Mengukuhkan kolaborasi dan jaringan kerjasama rakan strategik dengan syarikat swasta dan pelbagai agensi kerajaan.                                                                                                      |

## **4.0 SPESIFIKASI PENYELENGGARAAN**

### **4.1 Pengurusan Pembersihan Kawasan Projek Dan Kawasan Sekitar**

Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan pembersihan yang menyeluruh secara komprehensif setiap hari di dalam dan di luar kawasan projek termasuk semua kemudahan awam serta harta benda dan peralatan-peralatan dengan menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan selamat dan sesuai.

### **4.2 Pengurusan Dan Penyelenggaraan Landskap**

Syarikat bertanggungjawab untuk menyedia dan memberikan perkhidmatan untuk menjaga kesempurnaan, keindahan dan kebersihan keseluruhan kawasan persekitaran yang berkaitan dengan komponen sediaada secara komprehensif menggunakan racun dan peralatan-peralatan dan bahan-bahan selamat, berkualiti dan mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan.

### **4.3 Pengurusan Dan Penyelenggaraan Sistem Mekanikal Dan Elektrikal (M&E)**

Syarikat bertanggungjawab terhadap memperbaiki kerosakan, membaikpulih, mengganti dan memasang serta menyediakan pemeriksaan, pengujian, penyelenggaraan dan pembersihan peralatan elektrik dan mekanikal secara berjadual menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan yang selamat, sesuai dan bermutu menurut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan.

### **4.4 Pengurusan Dan Penyelenggaraan Sistem Peralatan Mencegah Kebakaran**

Syarikat bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan, membaikpulih, mengganti dan memasang serta menyediakan pemeriksaan, pengujian, penyelenggaraan dan pembersihan peralatan mencegah kebakaran secara berjadual menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan yang selamat, sesuai dan bermutu menurut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan.

### **4.5 Pengurusan Dan Penyelenggaraan Sistem Paip Dan Tangki Air**

Syarikat bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan, membaikpulih, mengganti dan memasang serta menyediakan pemeriksaan, pengujian, penyelenggaraan dan pembersihan sistem paip secara berjadual menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan yang selamat, sesuai dan bermutu menurut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan.

### **4.6 Pengurusan Dan Penyelenggaraan Pembentukan**

Syarikat bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan, membaikpulih, mengganti dan memasang serta menyediakan pemeriksaan, pengujian, penyelenggaraan dan pembersihan sistem pembentukan yang terletak di dalam kawasan projek dan keseluruhan kawasan persekitaran yang berkaitan secara berjadual menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan yang selamat, sesuai dan bermutu menurut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan.

#### **4.7 Pengurusan Kawalan Keselamatan**

Syarikat bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam kawasan projek dengan menyediakan pengawal keselamatan tanpa senjata bagi tugas mengawal dan meronda, CCTV dan Bilik Kawalan serta menyelenggara sistem peralatan kebakaran.

#### **4.8 Pengurusan Sisa Pepejal**

Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan pengutipan sampah yang menyeluruh secara komprehensif setiap hari di dalam dan di luar kawasan termasuk semua kemudahan awam serta harta benda dan peralatan-peralatan dengan menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan selamat dan sesuai.

#### **4.9 Pembayaran Bil-Bil**

Syarikat bertanggungjawab penuh menjelaskan semua bil-bil termasuk bil elektrik, bil air, bil pembentungan, dan lain-lain ke atas keseluruhan kawasan projek termasuk bil semasa sebagai kos pengurusan.

#### **4.10 Lain-Lain**

Syarikat yang dilantik adalah bertanggungjawab penuh ke atas segala aspek pengurusan secara keseluruhan (*total management*). Mana-mana perkara yang tidak tersenarai di dalam spesifikasi tetapi meliputi tugas-tugas pelaksanaan, pengurusan dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya oleh syarikat.

### **5.0 SPESIFIKASI PENGOPERASIAN**


#### **5.1 Pengurusan dan Promosi**

- i. Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) kaunter pertanyaan bagi tujuan promosi, hebahan dan pengumuman kepada penduduk setempat, peniaga dan pengunjung semasa waktu operasi.
- ii. Promosi dan hebahan berkaitan tawaran pekerjaan, latihan, perniagaan dan program/ aktiviti yang dijalankan diuruskan oleh syarikat.
- iii. Syarikat perlu menyediakan satu (1) takwim perancangan program sepanjang tahun bagi program/ aktiviti yang dicadangkan yang telah dipersetujui oleh Majlis.

## **5.2 Syarat-Syarat Pengoperasian**

- i. Syarikat perlu pada setiap masa memastikan pematuhan pada syarat-syarat lesen, syarat-syarat kesihatan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Majlis.
- ii. Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya bagi isu-isu berbangkit di tapak sepanjang tempoh pengoperasian.
- iii. Syarikat perlu memastikan segala kemudahan yang berada di dalam kawasan pengoperasian yang dipersetujui Majlis dijaga dengan baik sehingga tamat kontrak. Majlis berhak menuntut gantirugi dan membuat pemotongan cagaran sekiranya terdapat kerosakan atau kemusnahan terhadap kemudahan tersebut.

**6.0 PELAN LOKASI KESELURUHAN 3 KAWASAN YANG TERLIBAT BAGI PROJEK PERTANIAN BANDAR (URBAN FARMING) DI SKIM-SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH DI PETALING JAYA**



Lokasi 1 : Rizab TNB, Sri Damansara, PJU 9, Petaling Jaya



Lokasi 2 : Rizab TNB, Sri Manja, PJS 3, Petaling Jaya



Lokasi 3 : Rizab TNB, Desa Peransang, PJS 3, Petaling Jaya

# **FORMAT LAPORAN CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK PERTANIAN BANDAR (URBAN FARMING)**

## **1.0 Maklumat Asas Syarikat**

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Pengalaman Syarikat
- 1.3 Modal Berbayar
- 1.4 Bentuk Perniagaan

## **2.0 Carta Organisasi / Jawatankuasa Pengurusan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*)**

- 2.1 Kepakaran dan Pengalaman Pasukan/ Ahli Jawatankuasa

## **3.0 Cadangan Konsep / Halatuju Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*)**

- 3.1 Konsep Keseluruhan

## **4.0 Cadangan Komponen Pembangunan bagi Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar (*Urban Farming*)**

- 4.1 Ruang Boleh Guna
  - 4.1.1 Ruang Tanaman dan Picking Area
  - 4.1.2 Ruang Pengumpulan
  - 4.1.3 Pejabat
  - 4.1.4 Pusat Pembelajaran (*Learning Centre*), Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (*Research and Development - RND*)
  - 4.1.5 Stor
  - 4.1.6 Utiliti (Elektrik dan Air)
  - 4.1.7 Tempat Letak Kereta
  - 4.1.8 Lain-lain (Nyatakan)
- 4.2 Ruang Tidak Boleh Guna

## **5.0 Cadangan Tanaman dan Penggunaan Teknologi**

- 5.1 Jenis Tanaman
- 5.2 Penggunaan Teknologi
- 5.3 Pengurusan Sisa

## **6.0 Tenaga Kerja**

- 6.1 Senarai Jawatan dan Bilangan Pekerja
- 6.2 Peratusan Pekerja Tempatan dan Pekerja Asing
- 6.3 Jangkaan kadar upah/ gaji sebulan yang ditawarkan kepada isi rumah miskin bandar, B40, ibu tunggal dan lain-lain dari skim perumahan kos rendah berdekatan

## **7.0 Analisis Kewangan**

- 7.1 Tempoh Masa Ekonomik : 4 Tahun
- 7.2 Pendapatan Kasar (Tan Matriks, RM)
- 7.3 Kos
  - 7.3.1 Sewaan Tapak
  - 7.3.2 Kos Pembangunan
  - 7.3.3 Kos Bahan Input
  - 7.3.4 Kos Tenaga Kerja
  - 7.3.5 Kos Lain
  - 7.3.6 Kos Luar Jangka
- 7.4 Pendapatan Bersih (Pendapatan Kasar – Kos)